

Arahan Kepada Calon-Calon

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Markah-markah akan diberi kepada ketelitian dalam ukurkira, pengolahan dimensi-dimensi yang jelas serta sistematik, pendekatan kepada penyelesaian dan kebolehan menguraikan unsur-unsur.

kerja hitungan hendaklah dibuat dalam tempat-tempat berkenaan di atas kertas ukuran.

Ukurkira hendaklah bersesuaian dengan Nota-Nota Penentuan yang diberi. Jika terdapat perincian yang tidak jelas penentuannya atau juga tidak ditunjukkan dengan terang dalam lukisan, anda bolehlah mengandaikan kaedah pembinaan yang lazim menggunakan bahan-bahan yang boleh dikatakan bermutu serta kecekapan membuat kerja yang baik.

KEDUA-DUA soalan hendaklah dijawab.

Daripada lukisan-lukisan yang diberikan,

1. Ukurkirakan semua bahan untuk tangga.

(50 Markah)

2. Ukurkirakan semua bahan untuk panggung wayang kulit.

(50 Markah)

...2/-

NOTA-NOTA PENENTUAN

Kerja Konkrit

Semua konkrit yang digunakan hendaklah jenis kadar campuran 1 : 1 : 4. Jenis ukuran batu-bata pecahan adalah dari 5mm hingga 19mm. Kekuatan pecahan 28 hari setelah campuran sebagai dikehendaki, hendaklah sekurang-kurangnya 21kN/mm².

Semua konkrit di lantai, tiang dan rasuk hendaklah digetarkan sepenuhnya untuk menghasilkan kepadatan yang secukupnya.

Semua tetulang jenis keluli yang digunakan hendaklah uji keluli jenis sederhana yang memenuhi kehendak Penentuan British 785 (B.S. 785) yang mempunyai tegasan mengalah minimum bernilai 125N/mm².

Ukuran minimum lapisan konkrit menutupi tetulang keluli hendaklah 12mm untuk tangga dan 25mm untuk rasuk-rasuk.

Semua acuan bentuk yang digunakan hendaklah dari jenis yang boleh dipotong, dibina dari kayu yang telah disesuaikan dengan baiknya atau bahan-bahan lain yang telah dipersetujui daripada segi mutu dan kekuatan yang akan menentukan ketegaran yang sepenuhnya sepanjang penempatan, menghentak, penggetaran dan pembekuan konkrit.

Tukang Kayu

Semua kayu dikekuda bumbung hendaklah dari kayu jenis Gred "B". Semua kayu untuk pintu, tingkap dan lain binaan menggunakan kayu jenis Gred "A".

Semua kayu jenis Gred "B" adalah dikenakan dengan ubat-ubat pengawet yang dipersetujui dan diketarkan permukaan yang di-gergaji, kecuali sesuatu yang dihuraikan sebagai permukaan yang diketam-licin.

Tukang Cat

Bekalkan kerja-kerja mengecat yang berkenaan kesemua permukaan-permukaan yang ketara.

(PENENTUAN BERAKHIR)

-ooo000ooo-